

PENGARUH PERSEKITARAN TERHADAP PEMBENTUKAN AKHLAK PEMBINA TAMADUN: SOROTAN AYAT-AYAT BERKAITAN SEJARAH MANUSIA DALAM AL-QURAN

(The Influence of the Environment on the Development of Civilization-Building Morals: Highlights of the Verses Related to Human History in the Al-Quran)

Mansor Bin Sulaiman*, Muhammad Saiduddin Bin Izaluddin and Mujahidul Amin Bin Roslan

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

ABSTRACT – Al-Quran exhibits many verses about the history of the past ummah as a lesson for mankind throughout the ages. The teachings that God presents through these stories are not just for living in this world but beyond as a guide to face the afterlife. Because of that, this writing was made to present the influence of the environment passed by the previous peoples mentioned in the Qur'an with the formation of human morals, builders of civilization according to the perspective of the Qur'an. To achieve these objectives, library research is used by referring to the Quran and writings that help the researcher to understand the content of the relevant verses of the Quran such as books of interpretation written by scholars of the past and also contemporary scholars. In addition, related writings such as writings on education, general history and language are also referred to in order to achieve the objective. This writing found that the environment greatly affects the development of human character and it is closely related to how humans interact with the environment. One more thing, the environment that people go through is not something that happens spontaneously but it is God's plan that has a great purpose and wisdom which is to bring people to worship their God

ABSTRAK – Al-Quran banyak memaparkan ayat-ayat berkenaan sejarah umat terdahulu sebagai pengajaran kepada umat manusia sepanjang zaman. Pengajaran yang dikemukakan Allah menerusi kisah-kisah ini bukan sekadar untuk menjalani kehidupan di dunia ini sahaja tetapi menjangkau sebagai panduan untuk menghadapi alam akhirat. Oleh kerana itu, tulisan ini dibuat bagi mengemukakan pengaruh persekitaran yang dilalui oleh umat-umat terdahulu yang disebutkan al-Quran dengan pembentukan akhlak manusia pembina tamadun menurut perspektif al-Quran. Untuk mencapai objektif tersebut, kajian perpustakaan digunakan dengan merujuk kepada al-Quran dan tulisan-tulisan yang membantu pengkaji untuk memahami isi kandungan ayat-ayat al-Quran yang berkenaan seperti kitab-kitab tafsir karangan ulama silam dan juga ulama kontemporari. Selain itu, tulisan-tulisan yang berkaitan seperti tulisan berkenaan pendidikan, sejarah umum dan bahasa juga dirujuk bagi mencapai objektif tersebut. Tulisan ini menemui bahawa persekitaran sangat memberi kesan kepada pembangunan akhlak manusia dan ia berkait-rapat dengan bagaimana cara manusia berinteraksi dengan persekitaran tersebut. Seperkara lagi, persekitaran yang dilalui manusia bukanlah suatu yang berlaku secara spontan tetapi ia adalah perancangan Allah yang mempunyai tujuan dan hikmah yang besar iaitu untuk membawa manusia untuk beribadah kepada Tuhannya.

ARTICLE HISTORY

Received: 13 Nov 2020

Revised: 4 Dec 2020

Accepted: 28 Feb 2021

KEYWORDS

Al-Quran

Past civilization

Quranic verses

Historic verses

Morals entity

PENDAHULUAN

Al-Quran banyak menyentuh berkenaan kisah-kisah umat terdahulu dalam bentuk menakjubkan. Antaranya adalah kisah-kisah berkaitan kejatuhan atau kehancuran sesuatu umat ketika mereka hebat dari sudut aspek kebendaan tetapi rendah dari sudut aspek kemanusiaan. Daripada kisah-kisah tersebut didapati bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh dikenalpasti antaranya ialah peristiwa dan keadaan dalam bentuk kesusahan dan kesenangan yang dilalui oleh umat-umat tersebut. Oleh kerana itu, tulisan ini akan mengupas berkenaan kesan kesusahan dan kesenangan tersebut terhadap pembentukan akhlak tertentu yang menyumbang kepada pembangunan tamadun bagi umat tersebut. Dalam tulisan ini, susah dan senang tersebut akan dihuraikan sebagai persekitaran yang melingkungi kehidupan umat yang berkenaan.

KONSEP AKHLAK

Dari sudut bahasa, akhlak berasal daripada perkataan *al-khuluq* bermakna tabiat, *jama'c*nya ialah akhlak. *al-khulqu* dan *al-khuluq* bermakna perangai. *al-khuluq* juga adalah agama, tabiat dan perangai. Manakala hakikatnya adalah sifat kepada gambaran batin manusia berbeza dengan *al-khalqu* yang merupakan gambaran zahir (Ibnu Manzur, 1968). Akhlak atau pun *khuluq* menurut istilah sepertimana yang didefinisikan oleh para ulama, antaranya ialah sebagai keadaan yang bertapak di jiwa (al-Ghazali, 1967), daripadanya lahir perbuatan-perbuatan dengan secara mudah tanpa memerlukan kepada berfikir terlebih dahulu dan renungan. Antara sarjana terkemuka yang mengemukakan definisi seperti ini ialah al-Ghazālī, Ibnu Miskawih (1961) dan ramai lagi. Sekiranya akhlak yang terhasil adalah perbuatan yang terpuji dari pandangan akal dan syarak maka keadaan itu dinamakan sebagai akhlak baik. Sekiranya yang terhasil adalah perbuatan yang buruk maka dinamakan sebagai akhlak buruk” (Zaki Mubarak, t.th.)

Dalam takrifan yang lain, al-Maidānī (1987) menyatakan bahawa bukanlah semua sifat yang berada tetap dalam jiwa itu dikira dalam kategori akhlak. Ada di antaranya adalah naluri (*gharīzah*) dan *dawāfi'* (penolak kepada amalan disebabkan kecenderungan atau naluri) yang tiada hubungan dengan akhlak. Contohnya makan ketika lapar, berhati-hati daripada terkena benda yang tidak baik kepada diri, takut yang lebih daripada sepatutnya dan sebagainya bukan merupakan akhlak tetapi merupakan *gharīzah* dan *dawāfi'* (Ahmad al-^cAbid, t.th.).

Berdasarkan definisi di atas, akhlak merupakan suatu yang lahir daripada jiwa serta melahirkan tindakan yang spontan hasil tolakan daripada apa yang ada dalam jiwa seseorang itu. Oleh itu, suatu yang belum menjadi tindakan spontan daripada seseorang seperti perlu memikir atau membincangkan dahulu tindakan yang ingin diambil dalam menangani sesuatu perkara adalah tidak dikira sebagai akhlak. Selain daripada itu, oleh kerana akhlak bertitik-tolak daripada jiwa maka untuk mendapatkan akhlak yang baik, jiwa perlu cenderung kepada kebaikan. Ini adalah kerana jika jiwa cenderung kepada keburukan, maka ia menjurus kepada akhlak yang buruk. Definisi ini secara tidak langsung menjelaskan berkenaan besarnya hubungan antara elemen dalaman manusia yang antara lainnya adalah iman dengan keperibadian seseorang. Disebabkan itu, Islam mengikat akhlak dengan akidah yang sejahtera dan menjadikan akhlak ini merangkumi segala aspek hubungan berkaitan manusia dengan manusia dan dirinya sendiri (al- Fahdawi, 2006). Perkara ini termaktub dalam firman Allah dalam Surah al-A'raf, ayat 58 yang menggambarkan hubungan hati dengan amalan seseorang menerusi perumpamaan tanah dan tumbuhan yang ditanam pada tanah tersebut (Mohd Sulaiman, 1985).

KONSEP PEMBINAAN AKHLAK

Islam melihat akhlak merupakan suatu yang boleh dibina menerusi kaedah-kaedah tertentu. Sekiranya ia tidak dapat dibina maka Islam tidak akan menuntut untuk membina dan mengukuhkannya menerusi nas-nas yang banyak daripada al-Qurān dan al-Ḥadīth (Muhammad Mansūr, 1998). Pembinaan akhlak yang dimaksudkan di sini adalah pembinaan akhlak manusia menerusi proses *tarbiyyah*^A (pendidikan) sehingga menepati matlamat kejadian manusia itu sendiri iaitu beribadah kepada Allah. Dalam hal ini, akhlak adalah merupakan hasil akhir kepada proses pendidikan yang dilalui oleh seseorang. Perkara ini disebutkan oleh Ya^cakūb Ḥussain Shawwat (1992) yang menyatakan bahawa kemuncak pendidikan dalam Islam adalah pencapaian akhlak yang baik. Ia disebabkan tujuannya adalah untuk melahirkan insan ṣāliḥ yang beriman kepada Allah dan mentaatinya selari dengan firman Allah dalam ayat 56, Surah al-Zāriyat. Maksud seperti ini juga dapat dipetik menerusi perbincangan berkenaan pendidikan dan matlamatnya yang secara umumnya mengaitkan kelahiran akhlak menerusi proses pendidikan. Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa untuk mendapatkan akhlak baik, seseorang perlu melalui proses pembinaan atau pendidikan yang tertentu. Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa ahli falsafah Islam telah berijma^c bahawa pendidikan akhlak adalah roh kepada pendidikan Islam. Iaitu matlamat utama dan asasi kepada pendidikan Islam adalah memperelokkan akhlak dan mendidik roh (al-Abrāsyi, 1961).

PENGARUH PERSEKITARAN TERHADAP MANUSIA MENERUSI NAS-NAS BERKENAAN SEJARAH

Pendidikan dalam Islam yang menekankan aspek pembangunan manusia secara menyeluruh meletakkan pembentukan persekitaran yang baik sebagai salah satu elemen yang penting dalam melahirkan akhlak yang baik. Ia dapat dilihat antaranya menerusi proses pendidikan Islam yang menekankan pendekatan ini sejak sebelum lahirnya individu yang ingin dididik. Antaranya menerusi gesaan pemilihan wanita ṣāliḥah sebagai kriteria dalam pemilihan isteri supaya beliau boleh menjadi ibu yang ṣāliḥah dan secara tidak langsung dapat membentuk suasana yang baik dan sesuai untuk pembentukan anak yang ṣāliḥ (Ḥassan ^cAbd al-^cĀl, 1978). Pengaruh persekitaran terhadap pembangunan akhlak ini telah disentuh oleh kebanyakan ulama Islam malahan perkataan 'ibu-bapa' (أبواه) yang memberi pengaruh besar kepada anak sepertimana dalam Ḥadīth di bawah ini telah ditafsirkan oleh kebanyakan ulama sebagai persekitaran itu sendiri (Abd Ghani & Hasan, 1990). Sabda Rasulullah yang bermaksud:

^A Tarbiyyah (تربیة) dari sudut bahasa berasal daripada perkataan rabbā (ربی) yang bermaksud menumbuh, mengembang, menambah kekuatan jasad, akal dan jasad. (Mucjam al-Wasīṭ, 1960) Ia juga diertikan sebagai al-Tanmiyah (التنمية) yang bermaksud proses menumbuh, mengembang dan menambah. (cAbd. Ghani & Ḥassan, 1990)

“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan *fitrah*. Maka ibu-bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”

(al-Baihaqī, 1999, *al-Sunan al-Kubra*, “Kitāb al-Luqatah”, no. Ḥadīth 12145)

Oleh kerana itu, al-Qurān secara berulang kali menegaskan bahawa persekitaran mempunyai pengaruh kepada corak atau aliran kepercayaan dan fikiran yang membawa kepada pembentukan peribadi dan akhlak tertentu. Antara penjelasan tersebut adalah menerusi nas-nas yang memaparkan dialog golongan-golongan yang *bertaqlīd* terhadap kepercayaan salah nenek-moyang mereka yang terdahulu. Nas-nas ini menunjukkan golongan ini begitu kuat terikat dengan persekitaran yang meliputi mereka sejak turun-temurun sehingga tidak ingin berubah kepada kebenaran walaupun pegangan dan amalan mereka bercanggah dengan pemikiran yang benar. Berikut salah satu daripada nas tersebut iaitu firman Allah yang bermaksud:

“Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang ingkar): Turutlah akan apa yang telah diturunkan Allah, mereka menjawab: (Tidak), bahkan kami hanya menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya. Patutkah mereka (menurut datuk nenek) sekalipun syaitan mengajak mereka itu (melakukan perbuatan yang menjerumuskan mereka) ke dalam azab neraka yang marak menjulang”

(al-Qurān; Surah Luqmān: 21)

Menurut Sulaimān Yasin (1985), pengakuan al-Qurān terhadap perkara di atas bukanlah bermaksud sebagai membenarkan fenomena ini berlaku, sebaliknya ia adalah pengakuan yang mengandungi celaan kepada golongan ini yang sanggup diperhambakan dengan kepercayaan tradisi tanpa menggunakan pemikiran untuk menyaring mana yang benar dan mana yang salah. Sedangkan al-Qurān menganjurkan agar menggunakan pemikiran seterusnya mengambil keputusan untuk mengikut pendapat yang terbaik^B.

Selain itu, al-Qurān juga menunjukkan sebab kepada kehancuran kaum-kaum terdahulu apabila mereka telah mencapai tahap tertentu dalam kejahatan dan kebatilan antara lainnya adalah bagi mengelakkan persekitaran buruk menguasai keadaan sehingga menghalang pembentukan akidah yang benar dan akhlak baik di kalangan manusia. Perkara ini disebutkan Sayyid Qutb (1992) dalam tafsirannya berkaitan doa Nabi Nūh kepada Allah yang memohon supaya dibersihkan dunia daripada golongan jahat. Beliau menyatakan bahawa doa ini dipanjatkan baginda kerana persekitaran pada ketika itu hanya sesuai untuk melahirkan kekufuran, sehinggakan kanak-kanak telah dibiasakan dengan keadaan itu sejak kecil lagi. Beliau juga menyatakan hakikatnya, tindakan ini adalah hasil daripada petunjuk Allah kepada Nabi Nūh disebabkan kadangkala inilah merupakan penyelesaian yang terbaik bagi masalah seperti ini. Oleh kerana itu, Allah telah menerima doa baginda dan seterusnya menurunkan azab kehancuran kepada golongan kafir di kalangan kaumnya. Perkara ini disebutkan Allah dalam firmanNya yang bermaksud:

“Nūh berkata: Ya Tuhanku, janganlah engkau biarkan seorang pun di antara orang-orang kafir itu tinggal di atas bumi. Sesungguhnya jika engkau biarkan mereka tinggal, nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambamu, dan mereka tidak akan melahirkan selain anak yang berbuat maksiat lagi sangat kafir.”

(al-Qurān; Surah Nūh: 26-27)

Muhammad Sayyid al-Wakīl (t.th.) telah mengutarakan pendekatan ‘pengisian kekosongan’ dalam pembangunan akhlak manusia. Kekosongan yang dimaksudkan oleh beliau ialah manusia dan masyarakat tidak boleh dibiarkan kosong daripada kebaikan kerana ia memberi implikasi kemasukan kejahatan mengisi ruang kosong tersebut. Oleh itu, bagi memastikan masyarakat berada dalam keadaan baik maka kebaikan perlu diterapkan dalam masyarakat secara terus-menerus tanpa membiarkan ruang-ruang kosong bagi kejahatan untuk menyelinap.

BENTUK-BENTUK PERSEKITARAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PEMBENTUKAN AKHLAK MANUSIA DALAM NAS-NAS BERKENAAN SEJARAH

Terdapat pelbagai bentuk persekitaran yang melingkungi kehidupan harian manusia. Walaupun begitu, di dalam tulisan ini disimpulkan bentuk persekitaran tersebut kepada 2 sahaja seperti berikut:

Kesukaran

Kesukaran ini adalah sebahagian daripada ujian yang diturunkan Allah kepada manusia dengan hikmah-hikmah tertentu. Ia didatangkan dalam pelbagai bentuk seperti musibah terhadap harta,

jiwa dan juga hasil tanaman, masalah kesihatan dan kehilangan anggota tubuh badan, kemarau, kemiskinan, kelaparan, rasa dukacita, takut dan sebagainya (al-Khātib, 2004). Al-Qurān menjelaskan bahawa ia adalah merupakan realiti yang perlu dilalui oleh kesemua manusia sejak permulaan sehinggalah akhir kehidupannya sepertimana disebutkan dalam firman Allah yang bermaksud (Sayyid Qutb, 1992):

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia berada dalam susah payah.”

(al-Qurān; Surah al-Balad: 4)

^B Rujuk al-Qurān, Surah al-Zumar: 17

Al-Quran sarat dengan nas-nas yang menjelaskan berkenaan ujian kesukaran terhadap umat-umat terdahulu beserta dengan penjelasan hikmah di sebaliknya. Kupasan berkenaan nas-nas tersebut juga boleh didapati dalam banyak tulisan. Antaranya Muhammad Haishur (1997) dalam huraianya terhadap ayat 94-95, Surah al-A'raf, beliau menyatakan bahawa antara Sunnah Allah ialah mendatangkan kesukaran terlebih dahulu kepada sesuatu umat yang telah berpaling daripada landasan Allah sebelum diturunkan rasul kepada mereka. Ia antara lainnya bertujuan untuk menghidupkan hati serta menyingkir penyakit-penyakit yang terdapat padanya. Ini adalah disebabkan kesukaran dan kesakitan merupakan pembersih dan pendidik jiwa dan roh di samping sebagai agen terbaik bagi membangkitkan kebaikan yang tertanam di dalam diri manusia. Yūsuf al-Qaradāwī (1998) pula dalam tafsirannya terhadap ayat 41, Surah al-Rūm, menyatakan bahawa fenomena kerosakan yang berlaku di muka bumi ini antara lainnya adalah sebagai pendidikan dan peringatan secara terus daripada Allah kepada manusia dan bukan sebagai pembalasan dendam. Ia bertujuan agar manusia yang berkenaan dapat kembali kepada landasan hidup yang sepatutnya. Seterusnya beliau menyatakan sekiranya manusia tidak mengambil pengajaran dan tidak kembali kepada jalan yang sepatutnya, maka apa yang akan berlaku ialah mereka akan menuju ke arah kehancuran. Manakala Zamakhsharī (1995) dalam tafsirannya terhadap ayat 30, Surah al-Shūrā, menyatakan bahawa ada di antara manusia yang didatangkan kepada mereka musibah bukan disebabkan dosa. Antara lain beliau menyatakan bahawa orang yang tidak berdosa seperti para nabi, kanak-kanak dan golongan yang menjauhi dosa sekiranya ditimpa musibah seperti sakit atau sebagainya adalah bertujuan untuk digantikan dengan suatu yang lebih baik (selepas itu) dan sebagai *maṣlahah*. Selain daripada itu, kesukaran juga didatangkan sebelum daripada kehancuran berlaku terhadap sesuatu umat sebagai peringatan terakhir kepada mereka^c.

Perkara yang sama boleh dilihat menerusi ulasan para ulama berkenaan sebab-sebab penangguhan kemenangan sepertimana dijelaskan al-Qurān. Antaranya, °Abd al-Karīm Zaidān (1994) menyatakan bahawa kemenangan tidak diberikan kepada sesetengah orang beriman dalam pertembungan mereka dengan golongan kafir disebabkan iman di kalangan mereka belum menepati ciri dan sifat yang melayakkan untuk diberi kemenangan. Ia ditangguhkan sebagai memberi laluan kepada proses membangunkan iman menerusi kekalahan atau sebagainya sehingga menepati ciri yang sepatutnya. Perkara ini juga disentuh oleh Sayyid Qutb (1992) dengan menyatakan bahawa penguasaan golongan zalim terhadap dunia antara lainnya adalah sebagai ujian kepada golongan beriman. Seterusnya beliau menjelaskan bahawa apabila terhimpun iman dan amal yang bersungguh-sungguh pada sesuatu umat maka mereka berhak untuk mewarisi dunia pada bila-bila masa sekalipun. Beliau menyatakan bahawa ketentuan ini adalah bertujuan untuk memelihara manusia dan seterusnya membawa mereka kepada kesempurnaan serta memastikan mereka tidak jatuh nilai seperti haiwan atau lebih teruk daripada itu.

Penelitian terhadap *asbāb al-nuzūl* (sebab penurunan) nas-nas seperti di atas menunjukkan bahawa kesukaran adalah sebagai proses yang perlu dilalui sebelum mencapai kemenangan atau kejayaan termasuk dalam aspek membangunkan tamadun. Sebagai contohnya, Ibnu Kathīr (1991) dalam tafsirnya telah membawa pandangan al-Barra' Ibnu °Azib yang menjelaskan *asbāb al-nuzūl* ayat 55, Surah al-Nūr, dengan katanya bahawa ia diturunkan ketika sahabat berada dalam keadaan takut yang amat sangat disebabkan kezinaan berperang telah diberikan Allah kepada umat Islam ketika itu. Ibnu Kathīr (1991) juga menyatakan bahawa ayat 26, Surah al-Anfāl yang menjelaskan tentang janji kemenangan kepada umat Islam juga diturunkan ketika para sahabat dalam keadaan ketakutan terhadap musuh yang lebih hebat daripada mereka dari sudut kekuatan kebendaan. Realiti yang sama disebutkan al-Qurṭūbī (1987) dihadapi oleh Bani Isrā'īl di bawah pimpinan Nabi Mūsā dalam tafsirannya terhadap ayat 129, Surah al-A'rāf sebelum mereka diberikan kejayaan.

Kesimpulannya, penjelasan di atas menunjukkan bahawa kesukaran yang dihadapi oleh manusia dapat membentuk suatu kekuatan tertentu dari dalam diri mereka sehingga menggerakkan kepada perubahan positif sehingga menghasilkan kejayaan di akhirnya. Antara lain, kekuatan ini menolak kepada pembentukan akhlak-akhlak tertentu. Inilah Sunnah Allah yang terus berjalan sebagai suatu proses melahirkan akhlak pembina tamadun menerusi rangsangan persekitaran dan keadaan yang mereka hadapi.

Silih Berganti Antara Susah dan Senang

Silih berganti antara susah dan senang ini adalah bermaksud keadaan kehidupan yang berubah daripada senang kepada susah atau sebaliknya. Ada kalanya perubahan ini dapat dilalui oleh sesebuah masyarakat tidak secara sepenuhnya disebabkan sunnah ini berjalan dengan kiraan umur tamadun atau umat dan bukan umur individu manusia. Berkenaan persoalan umur umat ini, ia telah dijelaskan Allah dalam firmannya yang bermaksud:

“Bagi setiap umat itu ada ajalnya. Apabila tiba ajal mereka, ia tidak akan ditangguhkan atau dipercepatkan daripada waktunya”

(al-Quran; Surah al-A'raf: 34)

Yūsuf al-Qaradāwī (1998) menyatakan, menerusi sunnah berbentuk penggiliran antara susah dan senang ini dapat difahami bahawa golongan miskin tidak akan selama-lamanya miskin, kaya tidak selama-lamanya kaya, kuat tidak selama-lamanya kuat dan berkuasa juga tidak selamanya berkuasa.

Keadaan silih berganti kesusahan dan kesenangan ini secara umum ditunjukkan al-Qurān sebagai sebahagian daripada pendidikan daripada Allah bagi membawa manusia kepada matlamat kehidupan yang sebenar seterusnya mencapai matlamat berakhlak dengan akhlak yang mampu membangunkan tamadun mengikut acuan Allah itu sendiri. Antara

^c Rujuk al-Qurān, Surah al-Hāqqah, ayat 5-6.

contoh yang boleh dilihat ialah kisah-kisah beberapa tamadun silam dalam Surah al-A^ʿrāf yang menghadapi keadaan silih berganti antara susah dan senang dan berakhir dengan kehancuran. Firman Allah:

Maksudnya:

“Kami tidaklah mengutus seorang nabi pun kepada sesuatu negeri, (lalu penduduknya mendustakan nabi itu), melainkan Kami timpakan kepada penduduknya kesempitan dan penderitaan supaya mereka tunduk dengan merendahkan diri. Kemudian Kami ganti kesusahan itu dengan kesenangan hingga keturunan dan harta mereka bertambah banyak, dan mereka berkata: Sesungguhnya nenek moyang kami pun telah merasai penderitaan dan kesenangan. Maka Kami timpakan siksaan atas mereka dengan sekonyong-konyong sedang mereka tidak menyedarinya.”

(al-Qurān; Surah al-A^ʿrāf: 94-95)

Ibnu Kathīr (1991) menyatakan bahawa ayat di atas adalah penjelasan kepada kehancuran umat-umat silam yang disebutkan sebelum ini iaitu kaum Nabi Nūh, kaum ^ʿAd, kaum Thamūd, kaum Nabi Shu^ʿaib dan kaum Nabi Lūt. Nas di atas menunjukkan sebelum datangnya kehancuran, mereka terlebih dahulu diuji dengan kesusahan dalam bentuk yang pelbagai. Apabila mereka tidak memberikan tindak balas yang sepatutnya iaitu dalam bentuk merendah diri kepada Allah, lalu didatangkan kepada mereka ujian dalam bentuk kesenangan pula supaya mereka bersyukur terhadap segala nikmat yang diberikan Allah kepada mereka. Walaupun begitu, mereka tidak mengambil iktibar daripada apa yang dihadapi malahan mengaitkan susah dan senang itu sebagai sebahagian daripada rencam kehidupan dan tiada kaitan dengan keperluan untuk kembali kepada jalan Allah. Dalam ayat seterusnya, Allah menjelaskan tindakan yang sepatutnya diambil oleh mereka iaitu beriman dalam erti kata sebenar. Allah juga menjelaskan bahawa tindakan ini dapat mengelakkan kehancuran dan bakal mendapat kehebatan berganda lebih daripada apa yang telah berjaya mereka kecapai pada ketika itu. Walaupun begitu, mereka terus mengingkari kebenaran sehingga akhirnya ditimpa kehancuran. Firman Allah:

Maksudnya:

“Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka *berkah* dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat- ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatan mereka.”

(al-Qurān; Surah al-A^ʿrāf: 96)^D

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa pertukaran kesusahan kepada kesenangan dalam kehidupan adalah sebahagian daripada perencanaan Allah agar manusia dapat kembali kepada jalan kehidupan yang sepatutnya iaitu dengan menjadikan keimanan sebagai asas kepada kehidupan. Perkara ini dijelaskan Allah dengan lebih terperinci menerusi nasnya dalam ayat 168, Surah al-A^ʿrāf berkenaan keadaan yang menimpa Bani Isrāʾīl dalam bentuk susah dan senang yang silih berganti dengan disebutkan tujuan di sebaliknya iaitu untuk membawa mereka kembali kepada kebenaran. Manakala dalam nas berkenaan Firaun dan kaumnya pula Allah menunjukkan bahawa perubahan susah dan senang didatangkan secara berkali-kali juga bertujuan membawa mereka kembali ke jalan yang sepatutnya (Ibnu Kathīr,1991). Walaupun begitu, fenomena perubahan susah dan senang ini sekiranya tidak memberi kesan kepada perubahan pendirian dalam bentuk kekufuran kepada keimanan malahan semakin jauh dalam kesesatan, bakal membawa kepada ketentuan *al-Istidrāj* (^ʿAbd al-Karīm Zaidān,1994). Ia menunjukkan bahawa apabila pendidikan secara terus daripada Allah tidak diambil peduli oleh manusia maka ia berubah menjadi suatu hukuman kepada mereka dengan menghadapi kejatuhan atau kehancuran sepertimana dijelaskan dalam ayat di atas^E.

PROSES PEMBINAAN AKHLAK MENERUSI PERSEKITARAN

Manusia merupakan makhluk yang telah disediakan Allah dengan pelbagai kelebihan bagi menjalani kehidupan sebagai *khalīfah* di muka bumi. Antara kelebihan tersebut adalah kehebatan kejadian manusia itu sendiri yang terdiri daripada roh dan jasad. Menerusi kelebihan-kelebihan ini, manusia secara fitrah terdorong ke arah bekerja dan membangunkan bumi (Hasnan Kasan, 2004). Tindakan menyahut seruan fitrah dengan melakukan tindakan ke arah pembangunan tamadun ini disebutkan oleh Muhammad Qutb (1987) sebagai makna kepada istilah *khalīfah* yang dianugerahkan kepada manusia ini.^F

Ketentuan peristiwa dan keadaan yang di luar ikhtiar manusia secara tidak langsung membuka ruang kepada mereka untuk memberikan tindak balas yang sepatutnya. Sebagai contoh, kesukaran dalam kehidupan mendorong manusia untuk memberikan tindak balas dalam bentuk keluar daripada kesukaran seperti sabar, tabah, berusaha bersungguh-sungguh dan sebagainya. Begitu juga apabila manusia berhadapan dengan ketentuan dalam bentuk kesenangan atau keluasan hidup selepas melalui kesukaran yang berpanjangan, ia secara tidak langsung menjadi suatu motivasi atau membuka ruang kepada manusia untuk memberi tindak balas dalam bentuk tindakan yang menggambarkan kesedaran dan kesyukuran

^D al-Qurṭūbī (1987) menyatakan bahawa nas ini khusus untuk golongan-golongan yang telah disebutkan sebelum ini dalam surah yang sama iaitu kaum Nuh, kaum ^ʿAd, Thamud, kaum Nabi Shu^ʿaib dan kaum Nabi Lūt. Ini adalah disebabkan ada kalanya golongan beriman akan diuji terlebih dahulu dengan kesempitan hidup sebelum diberikan kejayaan disebabkan kafarah kepada dosa-dosa mereka yang telah lalu

^E Juga boleh rujuk al-Qurān, Surah al-Ancām, ayat 42-45.

^F Rujuk al-Qurān, Surah Ali Imrān, ayat 14

seperti berhati-hati, cermat, tidak gelojoh dan sebagainya. Kesemua tindak balas berbentuk tingkah laku atau akhlak ini lahir hasil daripada kelebihan sedia ada yang dianugerahkan Allah kepada manusia.

Sejarah menunjukkan bagaimana tindak balas yang betul terhadap persekitaran melahirkan perubahan positif terhadap individu-individu di dalam sesebuah masyarakat seterusnya membawa kepada kelahiran tamadun yang hebat. Manakala sebaliknya, ia hanya memberi kesan kepada kejatuhan tamadun atau umat itu sendiri. Oleh kerana itu, tulisan ini melihat bahawa tindak balas yang dilakukan manusia terhadap keadaan-keadaan yang dilalui mereka ini boleh menghasilkan kesan dalam bentuk akhlak. Akhlak-akhlak ini dikira sebagai akhlak fitrah^G yang lahir hasil daripada tindak balas manusia tersebut. Berikut dijelaskan bagaimana proses pembentukan akhlak tersebut:

Akhlak yang Lahir Menerusi Tekanan dan Cabaran

Tekanan dan cabaran merupakan perkara yang biasa berlaku dalam kehidupan manusia. Dari sudut perjalanan pembinaan sesebuah tamadun manusia, perkara ini merupakan perkara yang tidak dapat tidak dihadapi oleh manusia, bahkan nas-nas yang telah diterangkan sebelum ini cukup sebagai dalil untuk menjelaskan perkara ini. Dari sudut ilmu psikologi, situasi seperti ini akan menggerakkan daya penolak (*dāfi'*) yang menolak kepada pembentukan tingkah laku yang tertentu. Berhubung perkara ini, *dāfi'* adalah suatu kekuatan bersifat menggerakkan yang memberikan kekuatan kepada sesuatu kehidupan serta membentuk *tingkah laku* dan menggerakkan kepada matlamat tertentu. *Dāfi'* yang diberikan Allah kepada manusia bertindak dengan menolak mereka terhadap sesuatu tindakan atau perkara yang bersifat memenuhi keperluan asas yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan kehidupan. Secara umumnya, manusia memiliki *dāfi'* fisiologi (mewakili aspek jasad) dan juga *dāfi'* jiwa dan roh, selari dengan kejadian manusia yang terdiri daripada aspek roh dan jasad (Muhammad cOthman Najātī, 1993).

Akhlak-akhlak tertentu dapat lahir menerusi tindak-balas *dāfi'* jiwa^H dan roh^I yang dikurniakan Allah ini. Sebagai contohnya, kesusahan, tekanan, kejahilan dan sebagainya boleh melahirkan akhlak-akhlak positif yang menyumbang kepada pembangunan tamadun sekiranya manusia memberikan tindakbalas yang bersesuaian terhadap *dāfi' rōhī* yang terdapat dalam diri mereka. Tindak balas yang sepatutnya dalam kes-kes yang dikemukakan adalah seperti berikut iaitu kesusahan sebagai *dāfi'* kepada kekuatan azam dalam menghadapi kesusahan tersebut, tekanan sebagai *dāfi'* kepada sabar manakala jahil sebagai *dāfi'* kepada mencari dan mendapatkan ilmu. Sebarang tindakan yang menyalahi isyarat yang dikemukakan *dāfi'* ini tidak mendatangkan penyelesaian yang benar kepada masalah yang berlaku terhadap manusia, sebaliknya mendatangkan implikasi buruk terhadap kehidupan mereka. Sebagai contoh untuk perbandingan, dalam aspek *dāfi'* fisiologi^J, apabila tubuh kehilangan atau kekurangan cecair yang diperlukan maka *dāfi'* fisiologi akan memberikan isyarat kepada tubuh untuk mendapatkan air bagi menampung keperluan tubuh tersebut menerusi rasa haus yang dihadapi manusia. Sekiranya manusia tidak mengendahkan isyarat tersebut dengan tidak mendapatkan air maka kerosakan akan berlaku terhadap tubuhnya dan sekiranya berterusan maka ia boleh membawa maut.

Berdasarkan kepada perkara di atas, manusia apabila berhadapan dengan kesukaran, tekanan, kelemahan dan sebagainya, terdapat tolakan dalaman yang merangsang mereka untuk menjadi lebih kuat dan berkeupayaan menghadapi cabaran-cabaran tersebut dengan jayanya. Tetapi sekiranya tiada tindakbalas sepatutnya maka tiada hasil positif yang lahir. Sejarah telah menunjukkan banyak tamadun yang lahir hasil daripada situasi seperti ini. Salah satu daripada teori faktor kemunculan sesebuah empayar dalam sejarah tamadun manusia menurut sesetengah sarjana ialah disebabkan faktor ancaman daripada puak-puak gasar (tidak bertamadun) terhadap pusat-pusat tamadun awal. Ancaman ini sebaliknya menjadikan mereka lebih kuat seterusnya membuka jalan kepada kelahiran empayar yang besar (Sivachandralingam & Ayadurai, 2001).

Perkara ini juga selari dengan teori Ibnu Khaldūn (1978) yang menyatakan bahawa tamadun^K bermula daripada kehidupan *badwī*. Beliau berpandangan *badwī* yang terdedah dengan kehidupan yang sukar dan jauh daripada kemewahan

^G Perasaan untuk berakhlak merupakan suatu fitrah manusia. Ia suatu yang berlainan daripada ictiqād agama. Di dalam Islam, terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama berkenaan persoalan akal berperanan secara bersendirian dalam mengetahui baik-buruk. (Muhammad Mahdī Syams al-Dīn, 1975).

^H *Dāfi' nafsī* (jiwa) juga disebutkan oleh pakar psikologi moden sebagai *dāfi' nafsī-ijtimaci*. Ia berperanan menyempurnakan keperluan jiwa individu dan terserlah apabila manusia berinteraksi dalam masyarakat. (Muhammad cOthman Najātī, 1993)

^I *Dāfi' rōhī* (roh) merupakan *dāfi'* yang berhubungan dengan aspek roh manusia seperti *dāfi'* beragama, berpegang kepada ketaqwaan, cintakan kebaikan, kebenaran, keadilan serta benci kepada kerosakan, kebatilan dan kezaliman. Ramai daripada pakar psikologi moden tidak menghiraukan aspek roh ini sedangkan ia merupakan aspek yang paling penting yang membesizakan manusia dengan haiwan. (Muhammad cOthman Najātī, 1993) Perkara ini boleh dilihat antaranya dalam buku Introduction to Psychology hanya menyenaraikan dua sahaja motif atau motivasi (*dāfi'* dalam Bahasa Arab) iaitu motif biologi dan social. Motif biologi seperti makan, minum dan sex manakala motif social ialah rasa ingin tahu, kekuasaan dan pencapaian. (Marx, Melvin H, 1996)

^J *Dāfi'* fisiologi merupakan gambaran terhadap perjalanan Sunnah Allah kepada al-Kaun. Peranan fisiologi adalah peranan yang sama dimainkan oleh biologi yang penting kepada manusia dan haiwan menerusi sistem yang memastikan hajat tubuh badan dapat dipenuhi. Ia juga bersifat menutup kelemahan-kelemahan tubuh atau kimia serta melawan perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Contohnya apabila manusia hilang keseimbangan sesuatu yang diperlukan oleh tubuhnya seperti kurang darah, kurang air, kurang oksigen dan sebagainya maka akan datang *dāfi'* yang menolak manusia untuk melakukan sesuatu yang boleh menyeimbangkannya semula. *Dāfi'* ini berlaku sama ada dalam bentuk fisiologi sepenuhnya tanpa aspek *irādī* manusia dan juga ada yang datang dalam bentuk yang memerlukan kepada aspek *irādī* manusia seperti lapar yang memerlukan kepada makan (*irādī*) dan sebagainya (Muhammad cOthman Najātī, 1993)

^K Tamadun sebagai pengakhiran kepada *cumrān* dan langkah mendekati kerosakan. Ia juga sebagai pengakhiran kepada kejahatan dan jauh daripada kebaikan. Manakala masyarakat *badwī* lebih hampir kepada kebaikan berbanding masyarakat yang mendiami sesebuah tamadun. (Ibnu Khaldūn, 1978)

memiliki ciri-ciri yang boleh menjadi faktor penolak yang kuat kepada kehidupan bertamadun. Antara ciri-ciri *badwī* yang menyumbang kepada pembangunan tamadun ialah mereka mempunyai matlamat yang jelas iaitu tamadun menjadi matlamat bagi setiap mereka yang berada di peringkat *badwī*. Selain itu, mereka juga belum terdedah kepada *al-Tarf* (kemewahan) yang merosakkan berbanding golongan bandar yang lebih terdedah kepada akhlak buruk. Antara akhlak yang boleh ditemui daripada golongan ini ialah keberanian, berhati mulia, sanggup menghadapi kesukaran dan sebagainya.

Kesimpulan daripada penjelasan di atas adalah menunjukkan bahawa kesukaran dan tekanan dalam kehidupan manusia menjadi penyumbang kepada pembentukan akhlak yang hebat. Ia terhasil menerusi tindak balas dari dalam diri manusia yang telah mempunyai potensi-potensi yang dapat dikeluarkan menerusi keadaan-keadaan tertentu seperti yang dijelaskan di atas.

Akhlag yang Lahir Daripada Keinginan Mendapatkan Keselesaan Hidup

Keinginan untuk mendapatkan keselesaan hidup merujuk kepada kecenderungan manusia terhadap aspek keduniaan. Persekitaran dan keadaan tidak selesa yang kebiasaannya berlaku pada peringkat sebelum pencapaian tahap tamadun dan juga kesukaran-kesukaran yang dihadapi dalam kehidupan manusia boleh merangsang keinginan ini. Ia seterusnya menggerakkan manusia berusaha ke arah mendapatkan kualiti kehidupan yang lebih baik.

Kecenderungan manusia terhadap aspek keduniaan sepertimana tersebut di atas adalah merujuk kepada salah satu daripada asal kejadian mereka iaitu unsur jasad. Jasad hakikatnya merupakan penjara kepada roh yang mengikat manusia dengan kebendaan, syahwat, naluri dan perasaan yang menjurus ke arah dunia dan keseronokannya (Rojā, 1994). Manakala unsur roh yang merupakan unsur kedua dalam asal kejadian manusia menjadi pengimbang kepada keinginan jasad yang bersifat keduniaan tersebut agar tidak melampaui batasan. Antara lain, unsur roh memberikan manusia keupayaan mengetahui sesuatu, kefahaman, daya fikir, kehendak dan ikhtiar yang boleh disebutkan sebagai akal. Ia memberikan kemampuan kepada manusia untuk melakukan ikhtiar serta kebebasan kehendak dalam melakukan sesuatu atau meninggalkannya.

Keinginan mendapatkan kehidupan yang lebih selesa dengan diiringi imbalan unsur roh dapat menggerakkan manusia untuk berakhlak dengan akhlak tertentu yang memberikan impak positif kepada pembangunan tamadun. Oleh kerana itu, kita dapat melihat dalam sejarah terdapat pelbagai golongan silih berganti sebagai penguasa tamadun terhebat pada sesuatu zaman^L. Didapati bahawa ada di antara pengganti kepada tamadun yang telah hilang kehebatannya merupakan golongan lemah sebelum itu tetapi dengan tolakan daripada kelebihan manusia yang antara lainnya menerusi fitrah yang menggerakkan akhlak-akhlak tertentu maka lahirlah tamadun baru tersebut. Contohnya, seperti tamadun Arab Islam yang pada mulanya berada dalam keadaan *badwī* tetapi kemudiannya berjaya menggantikan tamadun Rom dan Farsi dalam kepimpinan tamadun dunia.

Antara akhlak yang boleh terhasil menerusi tolakan daripada keinginan ini adalah seperti inovatif, sedia berubah dan melakukan perubahan, berwawasan, keinginan dan azam yang tinggi, yakin diri, kesungguhan yang tinggi, tekun dalam melakukan amal dan sebagainya. Perkara ini selari dengan beberapa teori yang dikemukakan para sarjana, antaranya teori *caṣābiyyah* menurut Ibnu Khaldūn (1991) dan juga teori berkenaan kepentingan nilai dalam bidang pendidikan^M. Dalam teori Ibnu Khaldūn, *caṣābiyyah* merupakan penggerak manusia ke arah kehidupan bermasyarakat yang lebih baik. Menerusinya manusia dapat bekerjasama untuk memenuhi keperluan mereka sehinggalah kepada peringkat mendapatkan keharmonian menerusi pencapaian *daulah*^N seterusnya kuasa (*al-Mulk*) yang diperlukan bagi menyusun kehidupan ke arah yang lebih baik. Dalam teori ini, beliau berpandangan bahawa ia bertitik-tolak daripada tabiat manusia itu sendiri iaitu keinginan manusia yang ingin hidup secara *madanī*. Menerusi tabiat ini, timbul *caṣābiyyah* yang antara lainnya bermatlamatkan kepada kuasa serta mempunyai ciri-ciri yang menyokong ke arah matlamat tersebut. Antara ciri-ciri yang lahir daripada *caṣābiyyah* ialah ciri kekuatan yang diperlukan dalam pembinaan tamadun seperti kekuatan *al-Mudāfa'ah* (mempertahankan diri), *al-Muqāwamah* (melawan), *al-Himāyah* (melindungi) dan *al-Muṭālabah* (menuntut hak). Selain daripada itu, *caṣābiyyah* juga mencetuskan akhlak-akhlak yang diperlukan dalam berpolitik seperti berlumba-lumba ke arah kebaikan, mulia, memaafkan kesalahan, tidak mengharapkan balasan daripada kerja yang dilakukan, memuliakan tetamu, sanggup menerima bebanan yang berat, sabar di atas kesusahan, menepati janji, mengeluarkan harta untuk memelihara maruah, menegakkan syariat, memuliakan ulama dan sebagainya. Teori Ibnu Khaldūn ini dilihat oleh ^cAbd al-Ghanī & Dr. Hasan (1990) sebagai teori yang masih boleh diterima pakai pada hari ini dengan menyamakannya dengan

^L Rujuk al-Qurān antaranya Surah al-Anbiyā', ayat 11, Surah al-Mu'minun, ayat 31 dan 42 dan Surah al-Ancām, ayat 6

^M Dalam teori nilai, manusia adalah sebagai himpunan beberapa nilai yang membentuk suluk (tingkahlaku) mereka. Nilai ini diambil daripada persekitaran masyarakat yang melingkungi manusia dan juga daripada mereka yang terlibat dalam usaha mencorakkan keperibadian manusia itu sendiri. Ia terasimilasi dalam diri individu daripada masyarakat dalam bentuk matlamat, dāfic (penolak) dan pandangan seterusnya terzahir menerusi keperibadian luaran. (cAbd al-Ghanī & Hassan Ibrāhīm 1990).

^N Menurut Ibnu Khaldūn, Allah telah anugerah manusia keinginan untuk bersosial yang bertujuan untuk mendapatkan apa yang diperlukan mereka bagi meneruskan kehidupan mereka. Manusia lemah sekiranya berhadapan secara berseorangan dengan binatang buas tetapi menjadi kuat dengan akal, tipu daya, peralatan-peralatan yang sepatutnya dan tolong-menolong antara sesama manusia. Walaupun begitu, manusia juga tidak lari daripada tabiat kehaiwanan yang bersifat permusuhan. Apabila manusia berhimpun mereka akan terselamat daripada serangan haiwan tetapi terdedah kepada ancaman lain iaitu ancaman daripada manusia sendiri. Disebabkan itu, mereka memerlukan kepada sesuatu yang boleh menjamin keharmonian kehidupan mereka iaitu *daulah*. Beliau mengutarakan lima peringkat *daulah*. Iaitu bermula dengan peringkat kemenangan menerusi penguasaan pemerintahan dan mengambil alih kekuasaan daripada pemerintah terdahulu sehingga peringkat kelima iaitu kerosakan dengan fenomena tenggelam dalam nafsu syahwat, pembaziran, melakukan kerosakan dan sebagainya (Ibnu Khaldūn, 1978)

pengaruh nilai dalam sesebuah masyarakat. Menurut mereka, pada hari ini *‘aṣābiyyah* wujud dalam bentuk *kabilah* moden tetapi masih menunjukkan sikap yang sama dalam percubaan menerajui tamadun.

Akhlag yang Lahir Hasil Daripada Fitrah Keinginan Berakidah

Secara umumnya, kesukaran mendatangkan tekanan kepada jiwa manusia sehingga mendatangkan rasa resah, takut dan sebagainya sehingga membawa kepada tindakan mencari jalan keluar daripada kesusahan tersebut. Antara kesan yang lahir selain daripada tingkah laku atau akhlak yang bertitik-tolak daripada fitrah ingin keluar daripada kesukaran sepertimana telah dijelaskan adalah wujudnya sikap secara spontan berusaha untuk berhubung dengan Allah bagi memohon dilepaskan daripada kesukaran tersebut. Perkara ini disebutkan Allah secara berulang kali dalam al-Qurān sebagai menggambarkan fitrah manusia itu sendiri. Antaranya firman Allah yang bermaksud:

“Dan apabila manusia ditimpa bahaya dia berdoa kepada kami dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hilangkan bahaya tersebut daripadanya, dia kembali melalui jalannya yang sesat, seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada Kami untuk menghilangkan bahaya yang telah menyimpannya. Begitulah orang-orang yang melampaui batas itu memandang baik apa yang mereka kerjakan.”

(al-Qurān; Surah Yūnus: 12)

Perkara ini disebutkan oleh Muhammad ‘Uthman Najātī (1993) sebagai *dāfi‘* roh yang dimiliki manusia yang antara lainnya menolak manusia ke arah mengenali dan mendekati diri kepada Allah^o. Antara lain daripada *dāfi‘* roh ini, lahirnya *dāfi‘* keagamaan yang merupakan *dāfi‘* jiwa yang bersifat fitrah. Contohnya ialah manusia dapat merasakan dalam dirinya *dāfi‘* yang menolaknya kepada pencarian (pengkajian) dan berfikir untuk mengenali penciptanya serta pengabdian terhadapNya serta memohon bantuan daripadanya setiap kali berada dalam kesusahan. Dalam masa yang sama ia merasakan ketenangan apabila berada dalam pemeliharaan TuhanNya. Ibnu Taimiyah (1991) menyatakan bahawa fitrah berbentuk pengakuan terhadap ketuhanan Allah ini merupakan pengetahuan dan ilmu yang paling kukuh, mendalam dan sebagai usul kepada segala usul yang lain.

Sayyid Qutb (1992) pula melihat bahawa kesan *dāfi‘ rōhi* di atas bukan sekadar berlaku kepada golongan muslim sahaja bahkan meliputi golongan kafir. Perkara ini disebutkan beliau dalam tafsiran terhadap nas berkaitan kesusahan dan kesempitan yang ditimpakan kepada golongan kafir yang menolak kebenaran^p dengan menyatakan bahawa di antara tabiat ujian kesukaran terhadap manusia adalah untuk membangkitkan fitrah kebaikan yang masih ada dalam diri, melembutkan hati yang masih ada ruang untuk dilembutkan dan membawa mereka yang lemah kepada Tuhan yang bersifat *al-Qahhar* dengan merendahkan diri, memohon rahmat dan keampunan dan menunjukkan *‘ubūdiyyah* kepadaNya.

Sikap memberi tindak balas yang sepatutnya terhadap fitrah ini menerusi amal dan tindakan yang sepatutnya dan berterusan seperti sabar, tabah dan seumpamanya dapat mengukuhkan kesan fitrah tersebut. Tindak balas seperti ini menurut al-Khātīb (2004), sebagai sebab utama yang membawa kepada sampainya *hidāyah* kepada manusia berikutan kebersihannya memudahkan seseorang mempelajari dan seterusnya menyahut wahyu Allah. Sebarang tindak balas yang salah dalam menangani kesukaran yang menggerakkan fitrah beragama ini menghasilkan amal dan tindakan yang merosakkan. Perkara ini disebutkan oleh Ahmad Bahjat (1995) dengan katanya bahawa pada saat manusia meninggalkan peribadatan terhadap Allah dan pergi kepada peribadatan terhadap berhala, maka roh kebaikan tersungkur dan naiklah keburukan menjadi ketua dan hakim yang ditaati. Pada ketika itu manusia telah kalah dari sudut dalaman serta lemah akal mereka, serentak daripada itu akan diikuti dengan kezaliman dan segala kejahatan dalam masyarakat. Perkara ini akan berlaku setiap kali manusia mengabdikan diri kepada selain Allah sama ada yang menjadi sumber ibadah itu ialah berhala, pemerintah, sistem, ideologi dan sebagainya. Ini adalah disebabkan satu-satunya jaminan kepada terjaminnya persamaan antara manusia adalah terletak kepada *‘ubūdiyyah* mereka kepada Allah. Apabila tercicir jaminan ini maka ia akan membawa kepada kehilangan kebebasan mereka seterusnya kehilangan akal dalam bentuk rosak, tercemar dan mendatangkan kerosakan kepada manusia itu sendiri. Ini adalah disebabkan Allah menjadikan manusia untuk mengenaliNya dan menjadikan akal sebagai alat untuk mendapatkan ilmu. Ilmu yang paling penting ialah ilmu tentang Allah sebagai Tuhan dan manusia sebagai hambaNya.

Dalam hal ini, Sayyid Qutb (1992) menggambarkan dalam tafsirnya^q berkenaan mereka yang dapat memberikan tindakbalas yang sepatutnya dengan berterusan bergantung di bawah kekuasaan Allah dan bersyukur terhadap nikmat yang telah diberikanNya setelah terselamat daripada kesukaran tersebut adalah orang yang berkeupayaan menghubungkan hatinya dengan Allah. Manakala selain daripada golongan ini hanya bersifat reaktif, iaitu hanya mendekati Allah ketika kesukaran tetapi apabila hilang kesusahan mereka kembali dengan perangai dan pendirian asal. Oleh kerana itu, Sunnah Allah dalam bentuk susah dan senang didatangkan secara berkali-kali bagi membangkitkan fitrah yang tersembunyi dalam diri manusia seterusnya menjadi bekalan dalam menghadapi keadaan senang yang secara kebiasaannya melemahkan fitrah ini. Situasi yang membangkitkannya ini penting disebabkan manusia secara umumnya telah lupa kepada fitrah ini selepas roh memasuki jasad mereka di samping faktor-faktor persekitaran yang menjauhkan manusia daripadanya.

^o Rujuk al-Qurān, Surah al-Acrāf ayat 172-173

^p Tafsiran terhadap ayat 94, Surah al-Acrāf.

^q Tafsiran Surah al-Isrā’, ayat 69.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, Sunnah Allah secara praktikalnya menggempur perasaan manusia yang memberi kesan kepada membangkitkan naluri dan fitrah beragama yang tersemat di dalam diri manusia. Ia secara tidak langsung menggerakkan manusia ke arah menghayati akhlak-akhlak yang ditolak oleh agama.

RUMUSAN

Secara umumnya perbincangan di atas menunjukkan bahawa persekitaran dalam bentuk susah dan senang memberi kesan yang besar kepada jiwa dan akhlak sesebuah masyarakat. Kesan dari sudut akhlak sepertimana tersebut di atas adalah bergantung kepada bagaimanakah tindak balas seseorang terhadap apa yang mereka hadapi. Tindak balas yang betul memberikan implikasi yang positif iaitu menjurus kepada pembentukan akhlak yang baik dan boleh menyumbang kepada kelangsungan sesuatu umat atau pun tamadun. Manakala sebaliknya ia memberi kesan yang negatif dan mengundang kepada pembentukan akhlak yang negatif dan membawa kepada kelemahan dan kejatuhan sesuatu umat atau tamadun.

Perbincangan di atas juga menunjukkan bahawa kesusahan dan kesenangan yang berlaku itu bukanlah suatu yang berlaku secara spontan, malahan ia merupakan perencanaan Allah yang matlamat utamanya adalah membawa manusia untuk beribadah kepada Allah. Dalam ertikata lain, menjadi hamba Allah yang beriman dan mendokong akan ajaran yang diturunkan Allah. Perkara boleh difahami menerusi nas-nas al-Quran berkenaan perkara ini yang tidak sunyi daripada penjelasan berkenaan perutusan para rasul yang membawa ajaran Allah dan juga sikap umat yang berkenaan terhadap ajaran yang dibawa oleh para rasul tersebut.

Disebabkan itu, kesan yang dibincangkan di atas bukan sekadar terhenti setakat pembentukan akhlak yang boleh menyumbang kepada pembangunan tamadun dan umat manusia sahaja. Bahkan menjangkau sehingga kepada akhlak yang berteraskan kepada aqidah yang benar. Iaitu ia bukan sekadar mensasarkan kepada melahirkan manusia yang sekadar berjaya dan hebat di dunia, tetapi juga turut berjaya dan hebat di akhirat. Dari sudut yang lain, boleh dikatakan ia melahirkan manusia yang bukan sekadar baik ketika berada di hadapan manusia, bahkan juga mampu konsisten dengan kebaikan walaupun di dalam situasi tidak dilihat oleh manusia. Ini disebabkan di dalam hati mereka ada keyakinan bahawa setiap yang dilakukannya, ada Tuhan yang memperhatikannya dan akan ada pembalasan yang menanti di hari akhirat kelak. Manusia dengan akhlak seperti inilah yang berupaya untuk membangunkan tamadun dan umatnya dalam ertikata yang sebenar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, persekitaran dalam bentuk susah dan senang merupakan sebahagian daripada proses pembentukan akhlak manusia. Menerusi al-Quran, kita dapat mengetahui akan hikmah-hikmah yang tersembunyi di sebalik perencanaan Allah. Secara tidak langsung, ia membantu manusia dalam berinteraksi dengan keadaan-keadaan tersebut mengikut cara yang sepatutnya dan seterusnya membawa manusia untuk lebih mengenali Allah.

RUJUKAN

Al-Quran

Abd al-Karīm Zaidān, (1994), al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Umam wa al-Jamācat wa al-Afrād Fī al-Syarīcah al-Islāmiyyah, c. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risālah

Ahmad 'Abīd et al. (t.th), Mucjam al-Asāsī, al-Munazzamah al-cArabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-cUlūm.

Ahmad Bahjat (1995), Anbiyā' Allah, c. 12, Qāhirah: Dār al-Shuruq.

al-Abrāsī, Muhammad cAtiyah (1961), al-Tarbiyyah Fī al-Islām, Dalam Dirāsāt Fī al-Islām, Bil. 2., 3 Mac 1961 / 15 Ramaḍān 1380h, Qāhirah: al-Majlis al-Acla Li al-Syu'un al-Islāmiyah Bi Wizārah al-Awqāf.

al-Baihaqī, al-Imām Abu Bakar Ahmad Ibn al-Husain Ibn 'Alī (1999), al-Sunan al-Kubra, Beirut: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah.

al-Fahdawī, cAbd al-Jalīl Ibrāhīm Hamadī (2006), Āthār al-Qurān al-Karīm Fi Taghyīr al-Ḥayāh al-Ijtīmāciyyah Fi Mujtamac al-cArabī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Ghazālī, al-Imām Abī Ḥamīd Muhammad Bin Muhammad (1967), Ihya' cUlūm al-Dīn .

Qāhirah: Mu'assasah al-Halabī

al-Khātīb, al-Shaikh Šāliḥ Ahmad (2004), al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Ḥayāh al-Insāniyyah wa Atharu al-Īmān Bihā Fī al-cAqīdah wa al-Suluk, Ammān, Jordan, al-Dār al-cOthmāniyyah. al-Maidānī, cAbd al-Rahmān Ḥassan Habnakah (1987), al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Usūsuhā, Beirut: Dār al-Qalam.

al-Qardāwī, Yūsuf (1993), 'Bayyinat al-Ḥil al-Islāmī wa Syubhāt al-cIlmāniyyah wa al- Mutagharribīn', Beirut: Muassasah al-Risālah.

al-Qurtūbī, Abū cAbdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anšārī, (1987) al-Jamic Li Ahkām al- Qurān , Mesir: al-Hai'ah al-Mašriyyah al-cAmmah Li al-Kitāb.

al-Zamakhsharī, Abu al-Qāsim Jār Allah Mahmūd Ibnu cUmar Ibnu Muhammad (1995) al- Kashyāf cAn Haqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa cUyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl, j. 4, cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah.

cAbd al-Karīm Zaidān (1994).

cAbd. Ghanī cAbūd & Ḥassan Ibrāhīm cAbd al-cĀl. (1990), al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Tahaddiyat al-Mucāṣir, c.1, Qāhirah: Dār al-Fikri al-cArabī.

- Hasnan Kasan (2004), Konsep Manusia Di Dalam al-Qurān dan Keperluannya Kepada Islam Menurut Siasah Syarciyyah, Jurnal Darul Qurān, Bil. 9, Disember 2004, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Hassan cAbd al-cĀl (1978), al-Tarbiyyah al-Islāmiyah Fī al-Qarn al-Rabi c al-Hijrī: al-Kitāb al-Awwal Min Silsilah (Maktabah al-Tarbiyyah al-Islāmiyah, c. 1, Qāhirah: Dār al-Fikri al- Arabī.
- Ibnu Kathīr, al-Hāfiẓ cImad al-Dīn Abī al-Fidā' cIsmācīl (1991), Tafsi'r al-Qurān al-cAzīm, j.. 3, cet. 2, Beirut: Dār al-Khair.
- Ibnu Manzūr, al-cAllāmah Abū al-Fasli Jamāl al-Dīn Mūhammad Ibnu Mukarram (1968)
- Lisan al-Arab. J. 4, Beirūt: Dār Beirūt.
- Ibnu Miskawih, Ahmad (1961) Tahzīb al-Akhlāq, Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh.
- Ibnu Taimiyah, Sheikh al-Islām Ahmad (1991) Majmūc Fatāwa, j. 2, Riyāq: Dār cĀlam al- Kutub.
- Marx, Melvin H (1996), Introduction to Psychology, New York: Macmillan Publishing Co. Inc.
- Mohd. Sulaimān Yāsīn (1985), Islam dan Akidah (Satu Pengantar), c. 1, Selangor: al-Omari Sdn. Bhd.
- Mucjam al-Wasīṭ,(1960) j. 1, Qāhirah: Majmac al-Lughah al-cArābiyah. Muḥamad Haishūr. (1997).
- Muhammad al-Sayyid al-Wakīl (t.th.), al-Qiyādah wa al-Jundiyyah Fī al-Islām, j. 1, Mansūrah, Mesir: Dār al-Wafā' Li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Muhammad cOthman Najāti (1983), Al-Qurān wa cIlmu al-Nafs, c. 5, Qāhirah: Dār al-Shuruq. Muhammad Mahdī Syams al-Dīn (1975), Baina al-Jāhiliyah wa al-Islām, c. 1, Beirut: Dār al- Kitāb al-Lubnānī
- Muhammad Mansūr (1998), al-Mukhtaṣar al-Mufīd Fī Tarbiyyah al-Nafs, c. 2, Medan Sayyidah Zainab, Mesir: Dār al-Tauzīc wa Nashr al-Islāmiyah.
- Muhammad Qutb (1987), al-Taṭāwwur wa al-Thabāt Fī Ḥayāh al-Bashariyah, Qāhirah: Dār al-Shuruq
- Rojā cAbd al-Ḥamid cArabī (1994), al-Kaun wa al-Arḍ wa al-Insān fī al-Qurān, c. 1, Beirut: Dār al-Khair.
- Sayyid Hawwā (1989), Tarbiyatunā al-Ruhiyah, Beirut: Dār cAmmār Sayyid Qutb (1992), Fī Zīlal al-Qurān, Qāhirah: Dār al-Shuruq.
- Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan (2001), Tamadun Dunia, Ed. 2, Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Yacakūb Ḥussain Shawwāt (1992), al-Minhāj al-Tarbāwī Min Manzūr Islamī, c. 1, t.tp.: Dār al-Furqān.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī (1998), al-Sunnah Maṣḍaran li al-Macrifah wa al-Ḥaḍārah, c.2, Qāhirah: Dār al-Shuruq.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī (1998), Islam Teras Tamadun Masa Depan, Arsil Ibrāhīm (Terj.), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Zakī Mubarak (t.th) al-Akhlāq cIndā al-Ghazālī, Mesir: al-Matbacah al-Rahmāniyah.